

Saya akan bentang Belanjawan 2002 — Dr. M

UM 6 JUL 2001
KUALA LUMPUR 5 Julai — Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau akan mempengerusikan mesyuarat pra-Belanjawan 2002 minggu depan dan membentangkan belanjawan pada sesi Parlimen akan datang.

Beliau yang memangku tugas Menteri Kewangan berkata, beliau boleh melaksanakan tugas tersebut kerana itu memang tanggungjawabnya.

“Saya biasa membentangkan belanjawan seperti pada 1998. Boleh, Malaysia Boleh. Dr. Mahathir pun boleh,” katanya kepada pemberita sama ada beliau akan melantik Menteri Kewangan untuk melaksanakan tugas tersebut.

Perdana Menteri berkata demikian pada sidang akhbar selepas Majlis Menutup Konvensyen Sains 2001 di sebuah hotel terkemuka di sini hari ini.

Ditanya tidakkah perlu dilantik Menteri Kewangan Kedua kerana kesibukan tugasnya sebagai Perdana Menteri, Dr. Mahathir secara berseloroh berkata: “Jika awak ada cadangan nama... Awak tak berapa percaya dengan kebolehan saya sebab tu awak rasa susah hati.

“Bolehlah, saya bergantung kepada orang lain juga,” kata beliau lagi.

Dr. Mahathir memangku tugas Menteri Kewangan sejak 1 Jun lalu berikutan peletakan jawatan Tun Daim Zainuddin yang turut melepaskan jawatan Menteri Tugas-Tugas Khas, Pengerusi Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) dan Bendahari UMNO.